

23 JUN 1998

SYARIKAT M'SIA DAPAT FRANCAIS PERKHIDMATAN BAS DI SUDAN

PETALING JAYA, 23 Jun (Bernama) -- Kumpulan Metrobus dijangka menandatangani perjanjian dengan Sudan Oktober ini bagi menjalankan perkhidmatan bas di bawah sistem francais di negara Afrika itu.

Pengarah Urusan Metro Transportation Systems Sdn Bhd, Mustafa Kamal Wathooth, berkata syarikat itu dan Kementerian Pengangkutan Sudan kini sedang mengkaji projek itu yang membabitkan dasar dan perkhidmatan pengangkutan awam menerusi satu konsep francais yang bersepadu.

"Kami harap kajian itu dapat disiapkan dalam masa tiga bulan dan segera ditandatangani selepas itu," katanya kepada Bernama selepas memberi taklimat kepada Duta Sudan ke Malaysia Omar Osman elHassan di pejabat syarikat itu Subang Jaya dekat sini.

Satu memorandum persefahaman mengenai usaha itu telah ditandatangani dengan kerajaan Sudan semasa lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara itu bulan lepas.

Mustafa Kamal berkata syarikat itu berharap untuk mengeksport kira-kira satu ribu buah bas setahun ke negara itu dalam masa enam tahun.

"Kami sedang bekerja ke arah itu dengan mengeluarkan bas dengan menggunakan konsep kit iaitu komponennya dikeluarkan di sini dan bas dipasang di Sudan".

Katanya, dengan penduduk seramai 28 juta orang, Sudan memerlukan sekurang-kurangnya 20,000 buah bas bagi mewujudkan satu sistem pengangkutan awam yang efisien.

-- BERNAMA

RV oba